

HUBUNGAN ANTARA PERSONALITI, GAYA PEMBELAJARAN, FAKTOR PERSEKITARAN DAN KEAGAMAAN DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR IPTS SELANGOR

Muhammad Dzharil Shah Andarin dan Noor Raudhiah Abu Bakar
Faculty of Management and Muamalah, International Islamic University College Selangor, Malaysia
raudhiah@kuis.edu.my

Abstrak

Personaliti merupakan satu elemen yang penting dalam prasarana pendidikan para pelajar pada hari ini. Personaliti yang positif mampu melahirkan pelajar yang mempunyai nilai-nilai positif dan ini seterusnya menyumbang kepada pelbagai aspek keberkesanan dalam pencapaian akademik. Justeru itu, kajian ini bertujuan mengkaji hubungan antara personaliti dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar di sebuah IPTS di Malaysia. Kajian ini melihat secara khusus kepada personaliti pelajar, gaya pembelajaran, faktor persekitaran dan keagamaan dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar dari fakulti perniagaan. Kajian ini berbentuk kuantitatif iaitu kajian yang memfokuskan kepada instrumen soal selidik yang melibatkan seramai 162 orang responden yang dipilih dalam kalangan pelajar dari fakulti perniagaan di IPTS. Kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan rawak. Analisis korelasi menunjukkan kesemua faktor iaitu faktor personaliti pelajar, gaya pembelajaran, faktor persekitaran, dan keagamaan mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian akademik. Ini menunjukkan bahawa untuk meningkatkan prestasi akademik, pelajar haruslah mempunyai personaliti positif, gaya pembelajaran yang berkesan, perlu tekankan unsur keagamaan dengan persekitaran yang baik.

Kata kunci: Personaliti, Gaya Pembelajaran, Persekitaran, Keagamaan, dan Pencapaian Akademik.

1.0 PENDAHULUAN

Potensi individu boleh dikembangkan dengan ilmu selaras dengan pesanan Rasulullah S.A.W kepada umatnya iaitu “Tuntutlah ilmu dari buaian hingga ke liang lahad”. Ilmu diperolehi apabila seseorang itu belajar dan berinteraksi dengan maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber samada secara langsung (pusat pendidikan) ataupun tidak langsung.

Pelajar merupakan individu yang unik dan berbeza di antara satu sama lain walaupun mereka berada dalam tahap pembelajaran yang sama. Perbezaan individu ini merangkumi dari aspek pemikiran, tindakbalas, minat dan kecenderungan, pencapaian dan pemahaman. Justeru, para pelajar ini mempunyai gaya yang tersendiri untuk menerima dan bertindak balas serta menggunakan rangsangan dalam proses pembelajaran. Pendekatan yang diambil oleh setiap pelajar adalah dengan menurut tanggapan subjektif mereka terhadap kehendak pengajar atau konteks pembelajarannya. Pada pandangan para penyelidik, pengajar atau pendidik merupakan penggerak utama kepada pembelajaran para pelajar.

Menurut (Carter V.Good, 1973), pencapaian adalah sebagai penyelesaian dan kecekapan yang diperolehi dalam sesuatu kemahiran, pengetahuan atau kemajuan yang diperolehi secara semula jadi yang tidak terlalu bergantung kepada kecerdasan akal fikiran. Secara umumnya pencapaian akademik adalah penentu kepada taraf pencapaian individu

dalam sesuatu peperiksaan rasmi yang diambil dan peperiksaan awam dibawah Kementerian Pelajaran atau institusi pendidikan (Falsafah dan pendidikan di Malayasia, 2008).

Personaliti adalah salah satu faktor yang mempunyai kaitan dengan keunikan manusia (Fiest, 1998). Tidak kiralah sama ada aspek luaran ataupun dalaman individu itu seperti kata pepatah “rambut sama hitam tetapi hati lain-lain” (Zawani, 2007). Hal ini kerana setiap manusia dilahirkan mempunyai persamaan dan perbezaan yang tersendiri.

Gaya pembelajaran merujuk kepada cara interaksi individu dengan sistem maklumat atau rangsangan kemudian memproses dan menganalisa maklumat tersebut di dalam otak untuk dijadikan pengetahuan (Zubaidah, 2008). Gaya pembelajaran merupakan satu konsep yang paling penting dan perlu diberi tumpuan dalam aspek pendidikan kerana ia merupakan faktor utama dalam membentuk seseorang individu.

Faktor persekitaran mempengaruhi tahap pencapaian akademik para pelajar di tempat mereka menuntut ilmu dan ianya memberi kesan terhadap perkembangan mereka. Misalnya seperti penglibatan ibu bapa amat penting dalam membantu anak-anak memperoleh kualiti pendidikan yang tinggi (Low Kai Lin & Lilia Halim, 2016).

Keagamaan dikatakan mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan khususnya kepada para pelajar. Keagamaan terdiri daripada kepercayaan agama, amalan agama, hormat menghormati dan pembacaan bahan keagamaan. Keagamaan juga dizahirkan melalui amalan agama yang dilakukan seperti yang telah ditetapkan di dalam Islam (Tiliouine dan Belgoumidi, 2009).

Justeru, kajian ini akan cuba untuk mengenal pasti tentang hubungan personaliti, gaya pembelajaran yang berkesan, faktor persekitaran dan keagamaan dengan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Kajian literatur melihat pada faktor personaliti pelajar, gaya pembelajaran, faktor persekitaran dan keagamaan serta hubungannya dengan pencapaian akademik

2.1 Faktor Personaliti Pelajar

Menurut ahli psikologi, personaliti merangkumi pemikiran, persepsi, nilai, sikap, watak, keupayaan, kepercayaan, kecerdasan, motivasi, kebiasaan dan sebagainya. Mischel (1999) menyatakan konsep personaliti sebagai organisasi dinamik sistem psikofizikal setiap individu yang menentukan tingkah laku dan pemikiran.

Personaliti dapat dibayangkan oleh kecenderungannya sendiri untuk bertindak laku mengikut cara tertentu (Kamaruddin Hj. Hussin, 1996). Pervin (1990) pula mentakrifkan personaliti sebagai cara individu berinteraksi di antara satu sama lain atau juga dalam bentuk peranan yang dikaitkan dan diamalkan oleh seseorang individu di dalam masyarakat. Personaliti positif yang ditunjukkan secara konsisten mampu menentukan persekitaran dan aktiviti pembelajaran yang kondusif, berdaya saing dalam pendidikan para pelajar dan juga memberi impak yang positif terhadap tahap pencapaian akademik mereka dengan sebaik mungkin. Personaliti dapat menentukan identiti sosial pelajar dan menjurus kepada pemahaman dan penerimaan pembelajaran yang lebih baik (Ana-Maria et al, 2011).

Terdapat juga beberapa aspek yang boleh menggambarkan personaliti seseorang. Aspek tersebut ialah sahsiah diri dan tingkah laku seseorang. Sahsiyah diri bermaksud keperibadian yang boleh digambarkan melalui tingkah laku seseorang. Tingkah laku seseorang pula boleh dinilai melalui personalitinya (Larsen & Buss, 2008).

Secara ringkasnya, personaliti menentukan tingkah laku individu yang berlainan dalam gerak balas terhadap alam persekitaran. Oleh kerana itu, terdapat perbezaan antara satu sama lain. Ini bererti tidak ada dua orang yang mempunyai personaliti yang sama. Setiap seorang mempunyai keunikannya yang tersendiri, tidak mengira sama ada seseorang itu mempunyai taraf akademik yang tinggi atau yang lebih rendah. Personaliti sememangnya memainkan peranan yang penting di dalam kehidupan setiap individu.

Dalam kehidupan harian, ciri-ciri personaliti yang dimiliki oleh seseorang pelajar akan menentukan cara penyelesaian masalah hidupnya. Hal ini termasuklah masalah pembelajaran sama ada tekanan yang dihadapi semasa belajar atau sebaliknya. Oleh sebab itu, mengetahui ciri-ciri personaliti sendiri adalah penting bagi setiap pelajar supaya membantunya memahami diri sendiri. Kajian ini cuma melihat kepada personaliti pelajar secara umum samada positif atau sebaliknya.

2.2 Faktor Persekitaran

Persekitaran amat mempengaruhi para pelajar terhadap pencapaian akademik mereka di institusi meliputi faktor keluarga dan rakan-rakan. Faktor keluarga seperti pengaruh ibu bapa. Kadang kala, pelajar merasa berat untuk memenuhi harapan ibu bapa dan guru. Kita perlu ketahui bahawa pelajar pintar cerdas, sama seperti pelajar lain, perlu memuaskan keperluan fisiologi, sosial, emosi, pencapaian, tazkiyah, dan rohani (Nik Azis, 1990). Untuk membina persekitaran yang sihat dan berdaya saing, pelajar memerlukan persekitaran rumah dan iklim pembelajaran yang kondusif dan optimum. Ini adalah kerana proses pembelajaran yang berkesan mampu membantu pelajar tersebut mencapai keputusan atau hasil pencapaian akademik yang lebih baik dan menyakinkan. Ibu bapa mempunyai peranan yang sangat besar untuk menanam harapan dan impian dalam jiwa seorang anak agar akhirnya boleh tampil sebagai seorang tokoh yang hebat apabila dewasa (Mardhiyyah & Nurazan, 2016).

Faktor sosial juga mempengaruhi para pelajar dalam mencapai pencapaian akademik di tempat pengajian mereka. Sesetengah pelajar berasa sukar untuk mewujudkan pergaulan sosial yang baik. Ini demikian kerana pelajar menghadapi masalah untuk mewujudkan pergaulan sosial yang baik. Ada di antara mereka suka kerja sendiri, tidak suka menjadi ikut-ikutan kepada kelompok rakan sebaya, dan tidak mudah tunduk kepada tuntutan budaya (Parke, 1989). Dalam sudut konteks ini, pelajar memerlukan bimbingan untuk bergaul dengan rakan sebaya dan orang dewasa, tetapi bukan mematuhi kehendak orang lain secara sewenangnyanya. Sebaliknya, mereka perlu belajar berdikari tanpa memisahkan diri daripada komuniti masyarakat (Zuri, 2010). Pelajar juga perlu diberi bimbingan untuk memahami dan menghayati konsep kesedaran rohani, dengan Allah sahaja yang bersifat sempurna dan layak menerima segala pujian (Nik Azis, 1990).

2.3 Faktor Keagamaan

Agama berperanan penting mencorak kehidupan pelajar pada masa kini dan hadapan. Pegangan agama yang longgar dikhuatiri boleh membawa akibat yang buruk, bukan sahaja pada diri pelajar itu sendiri, malah dalam keluarga, masyarakat komuniti dan negara. Individu dikatakan berusaha untuk membina identiti diri, sekaligus mencari tempat dalam masyarakat (Erikson, 1964).

Faktor keagamaan adalah penting kerana ia memberi kesan kepada kesihatan mental, mengubah sikap individu ke arah kehidupan yang positif yang akhirnya akan mengubah ekonomi dan gaya hidup individu dalam jangka panjang (Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader, 2010). Justeru, agama merupakan prinsip yang sepatutnya dipegang oleh pelajar dalam membuat menuju jalan yang betul agar hidupnya diberkati dan mendapat

rahmat. Pelajar hendaklah mengamalkan amalan agama supaya segala perkara direncanakan dapat diterima oleh-Nya dan dapat membantu untuk mencapai tahap akademik yang lebih baik.

Agama merupakan satu anutan dan kepercayaan yang berkembang sebagai suatu ilmu pendidikan jiwa (dalaman) yang mengajar manusia untuk menyelami jiwa mereka sendiri serta hubungkaitnya dengan kekuasaan Tuhan (Khadijah et al.,2013). Firth (1951) melihat agama sebagai satu gerakan kuasa yang paling kuat dalam aktiviti manusia, sama ada secara individu ataupun sosial. Teras agama menurutnya adalah kepercayaan kepada suatu kuasa yang luar biasa (supernature). Sementara itu, Sabiq (1993) diadaptasi oleh Dzuhailmi Dahalan, Steven E.K., A.H. & Abd H.S., (2014) menyatakan agama mempunyai suatu kekuasaan yang tertinggi dalam hati dan jiwa serta memberikan kesan yang mendalam terhadap perasaan.

Menurut Islam, tujuan akhir pendidikan ialah membentuk insan yang bersih kognitifnya, bersih personalitinya, bersih corak hidupnya, emosi, suci budi pekerti dan murni pergaulan sosial daripada sebarang unsur yang lain daripada landasan Ilahi yang terkandung dalam al-Quran dan Hadis (Nik Azis, 1988).

Oleh itu, pentingnya faktor keagamaan kepada para pelajar kerana ia menjadi panduan hidup yang peri diamalkan dengan sebaiknya. Dalam mencapai akademik yang baik, para pelajar hendaklah menitikberatkan kepentingan keagamaan supaya ilmu pengetahuan yang dipelajari dapat diterima dan membawa berkat dalam menuntut ilmu.

3.0 PENCAPAIAN AKADEMIK

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), pencapaian bererti apa yang telah dicapai atau prestasi. Akademik pula berkaitan dengan akademi (pusat pengajian tinggi) dan bersifat atau mengandungi ilmu pengetahuan.

Dalam erti kata lain, pencapaian akademik lebih berfokus kepada gred yang diperolehi oleh seseorang pelajar dalam peperiksaan yang diduduki. Sekiranya seseorang pelajar itu mencapai gred yang baik bermakna mereka mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan sebaliknya. Pencapaian akademik pelajar adalah perkara yang berkaitan dengan tahap kecemerlangan seseorang individu atau sejauh mana seseorang individu dapat menguasai ilmu yang dipelajari berdasarkan kepada mata nilai yang tertinggi yang dapat dikumpul oleh individu tersebut, yakni sesuatu yang dapat dilihat dan diukur nilainya (Hafizah, 2015).

Gred bacaan yang lebih baik dan amat memuaskan dapat dihasilkan apabila pelajar itu mempunyai gaya pembelajaran yang bersesuaian dengan jiwa mereka. Tetapi sebaliknya, jika seseorang pelajar itu tidak dapat menyesuaikan gaya pembelajaran yang mereka amalkan, maka keputusan pencapaiannya akan menurun dan tidak memuaskan (Shea, 1983).

Apabila pelajar berasa selesa dengan gaya pembelajaran yang sesuai dengan jiwa, keperluan dan kehendak mereka maka ini dapat membantu mereka untuk mencatatkan pencapaian akademik yang lebih tinggi dan baik. Sebaliknya, pelajar yang tidak bertemu dengan gaya pembelajaran yang sesuai dengan akan mencatatkan pencapaian yang rendah. Oleh itu, adalah amat mustahak untuk mengenali dan mengamalkan gaya pembelajaran yang sesuai.

Golongan pelajar yang berpencapaian tinggi tidak semestinya mempunyai cara belajar yang baik. Mereka berjaya mungkin kerana kecerdasan otak mereka, daya usaha yang agak berlebihan dan tumpuan masa yang berlebihan (Mohd Yunus, 1990).

Pengkaji telah mengedarkan borang kaji selidik sebanyak 162 set kepada pelajar fakulti Perniagaan di sebuah IPTS di Selangor.

Jadual 1 Responden Kaji Selidik

Borang Kaji Selidik Yang Diedarkan	Borang Kaji Selidik Yang Diterima	Peratusan (%)
162	162	100

4.0 DEMOGRAFI KAJIAN

Demografi kajian digunakan untuk melihat gambaran responden kajian seperti tahap jantina, umur, pengajian terkini, status, gred purata (CGPA) terkini, dan semester terkini. Selain itu juga, profil demografi responden dibentuk bertujuan untuk melihat ciri-ciri responden dalam kajian ini. Ciri-ciri responden perlu dikenalpasti untuk memberikan maklumat latar belakang responden. Maklumat-maklumat tersebut sangat penting kerana ianya mempengaruhi jawapan berdasarkan borang kaji selidik yang telah dijawab.

Berdasarkan lampiran, seramai 162 orang responden telah terlibat dalam menjawab soalan kaji selidik yang telah pengkaji edarkan di kalangan pelajar dari fakulti Perniagaan di IPTS. Majoriti pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah pelajar lelaki iaitu seramai 106 orang (65.4%). manakala pelajar perempuan pula ialah seramai 56 orang (34.6%). Umur responden yang terlibat di dalam kajian ini bermula daripada 18 – 20 tahun dan mencatatkan sebanyak 26.5% iaitu seramai 43 orang. Tahap umur 21 – 23 tahun pula mencatat sebanyak 57.4% iaitu seramai 93 orang pelajar. Tahap umur 24 – 26 tahun mencatat sebanyak 11.7% iaitu seramai 19 orang dan manakala umur 27 tahun ke atas menunjukkan sebanyak 4.3% iaitu seramai 7 orang. Bagi kategori Pengajian terkini responden mencatatkan pengajian daripada Diploma sebanyak 22.8% iaitu seramai 37 orang pelajar. Ijazah Sarjana Muda pula mencatat 74.7% iaitu sebanyak 121 orang pelajar. Manakala pelajar Ijazah Sarjana (Master) ialah 2.5% iaitu sebanyak 4 orang pelajar. Status responden yang bujang pula mencatatkan sebanyak 96.9% iaitu seramai 157 orang. Manakala responden yang telah berkahwin pula mencatatkan 3.1% iaitu seramai 5 orang sahaja. Seterusnya, bagi kategori Gred purata (CGPA) terkini mencatatkan bermula dari gred 2.00 – 2.49 menunjukkan 4.3% iaitu sebanyak 7 orang pelajar. Gred 2.50 – 2.99 mencatatkan 29.6% iaitu sebanyak 48 orang pelajar. Gred 3.00 – 3.49 pula 55.6% iaitu sebanyak 90 orang pelajar dan Gred 3.50 – 4.00 pula ialah 10.5% iaitu sebanyak 17 orang pelajar. Semester terkini responden yang terdiri daripada semester 1 tiada rekod atau nilai yang diperolehi. Bermula daripada semester 2 mencatatkan 3.7% iaitu sebanyak 6 orang pelajar. Semester 3 mencatatkan 18.5% iaitu sebanyak 30 orang pelajar. Manakala semester 4 pula ialah 20.4% iaitu sebanyak 33 orang pelajar dan akhir sekali bagi semester 5 ke atas mencatatkan 57.4% iaitu sebanyak 93 orang pelajar. Kajian ini melibatkan seramai 162 orang responden yang terdiri daripada 106 orang pelajar lelaki dan 56 orang pelajar perempuan. Ini menunjukkan 65.4% daripada responden adalah pelajar lelaki dan 34.6% lagi adalah pelajar perempuan. Kajian ini melibatkan seramai 162 orang responden yang terdiri daripada pelajar yang berumur 18 – 20 tahun seramai 43 orang (26.5%), umur 21 – 23 tahun seramai 93 orang (57.4%), umur 24 – 26 tahun seramai 19 orang (11.7%) dan pelajar yang berumur 27 tahun ke atas pula seramai 7 orang (4.3%).

Responden kajian ini terdiri daripada pelajar pengajian Diploma seramai 37 orang (22.8%), Ijazah Sarjana Muda seramai 121 orang (74.7%) dan Ijazah Sarjana (Master) seramai 4 orang sahaja (2.5%). Responden kajian terdiri daripada 157 orang pelajar yang masih bujang iaitu 96.9% dan 5 orang pelajar yang sudah berkahwin iaitu 3.1%.

Responden kajian yang mendapat gred purata (CGPA) daripada gred 2.00 – 2.49 mencatatkan 7 orang pelajar (4.3%), gred 2.50 – 2.99 ialah 48 orang pelajar (29.6%), manakala bagi gred 3.00 – 3.49 pula ialah 90 orang pelajar (55.6%) dan seterusnya gred 3.50 – 4.00 mencatatkan seramai 17 orang pelajar (10.5%). Kajian ini melibatkan seramai 162 orang responden yang terdiri daripada semester 1, 2, 3, 4 dan 5 ke atas. Semester 1 tiada

rekod kerana pada waktu tersebut para pelajar masih baru menjalani sesi pembelajaran dan belum menduduki peperiksaan akhir semester untuk mendapatkan gred (CGPA). Bermula daripada semester 2 seramai 6 orang pelajar (3.7%), semester 3 mencatatkan seramai 30 orang pelajar (18.5%), manakala semester 4 pula seramai 33 orang pelajar (20.4%) dan bagi semester 5 ke atas terdiri daripada pelajar senior atau tahun akhir ialah seramai 93 orang (57.4%).

5.0 ANALISIS KEBOLEHPERCAYAAN DATA

Berdasarkan Jadual 2, keputusan hasil ujian kebolehpercayaan (*Cronbach Alpha*) pada keseluruhan kaji selidik kajian ini menunjukkan pembolehubah tidak bersandar iaitu faktor personaliti pelajar mencatat nilai 0.784, gaya pembelajaran mencatat sebanyak 0.649, faktor persekitaran pula mencatatkan 0.682 dan Keagamaan mencatatkan 0.664. Manakala pembolehubah bersandar pula iaitu pencapaian akademik mencatat sebanyak 0.612. Ini menunjukkan tahap kebolehpercayaan bagi kesemua pembolehubah adalah baik dan memuaskan.

Jadual 2 Keputusan Analisi Kebolehpercayaan

Pembolehubah	Cronbach's Alpha
Faktor Personaliti Pelajar	0.784
Gaya Pembelajaran	0.649
Faktor Persekitaran	0.682
Keagamaan	0.664
Pencapaian Akademik	0.612

5.1 Analisis Korelasi Pearson

Analisis Korelasi Pearson digunakan dalam bahagian ini adalah bertujuan untuk melihat kemungkinan terdapatnya hubungan yang signifikan di antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar.

Jadual 3 Korelasi Hubungan Antara Personaliti Dengan Pencapaian Akademik Dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Pembolehubah	Korelasi	Signifikan
Personaliti Pelajar	0.423***	0.000
Gaya Pembelajaran	0.418***	0.000
Faktor Persekitaran	0.289***	0.000
Keagamaan	0.262***	0.001

5.2 Analisis Deskriptif Skala Min

Semasa menganalisis, min dan sisihan piawai bagi setiap item diambil. Oleh itu skor min dibahagikan kepada empat aras seperti Jadual 3 iaitu:

Jadual 3: Pembahagian Skor Min Mengikut Tahap

Min	Tahap
4.01 – 5.00	Sangat Tinggi
3.01 – 4.00	Tinggi
2.01 – 3.00	Sederhana
1.00 – 2.00	Rendah

Sumber: Azhar Ahmad (2006)

Secara rumusan dari segi pengukuran skor min dan tahap bagi analisis skor min di dalam kajian ini adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 4: Keputusan Analisis Skor Min

Pembolehubah	Min	Tahap
Personaliti Pelajar	4.063	Sangat Tinggi
Gaya Pembelajaran	4.318	Sangat Tinggi
Faktor Persekitaran	4.072	Sangat Tinggi
Keagamaan	4.351	Sangat Tinggi
Pencapaian Akademik	3.776	Tinggi

Berdasarkan jadual 4 menunjukkan pembolehubah personaliti pelajar mendapat nilai min sebanyak 4.063. Bagi pembolehubah gaya pembelajaran, nilai min ditunjukkan adalah sebanyak 4.318. Bagi pembolehubah ketiga pula iaitu faktor persekitaran nilai min yang diperolehi adalah sebanyak 4.072 iaitu berada pada tahap sangat tinggi. Pembolehubah keagamaan pula nilai min yang diperolehi adalah tertinggi dalam kajian sebanyak 4.351, juga berada pada tahap sangat tinggi. Manakala bagi pembolehubah bersandar iaitu pencapaian akademik menunjukkan nilai min sebanyak 3.776 adalah antara yang terendah dalam kajian dan tahapnya tinggi.

6.0 RINGKASAN HIPOTESIS

Dapatan kajian boleh diringkaskan dalam Jadual 5 di bawah:

Jadual 5: Ringkasan Hipotesis

	Hipotesis Kajian	Keputusan
H1	Pengaruh faktor personaliti dalam pencapaian akademik para pelajar	Terdapat hubungan signifikan antara personaliti pelajar dengan pencapaian akademik para pelajar
H2	Hubungan gaya pembelajaran dengan pencapaian akademik para pelajar	Terdapat hubungan signifikan antara gaya pembelajaran akademik para pelajar
H3	Pengaruh faktor persekitaran terhadap pencapaian pelajar	Terdapat hubungan signifikan antara faktor persekitaran dengan pencapaian pelajar
H4	Pengaruh faktor keagamaan terhadap pencapaian akademik para pelajar	Terdapat hubungan signifikan antara faktor keagamaan dengan pencapaian pelajar

7.0 KESIMPULAN

Rumusan dapatan kajian ini adalah untuk menjawab persoalan kajian dan juga memenuhi objektif-objektif kajian di dalam kajian ini. Rumusan dapatan kajian yang telah dilakukan di dalam bab 4 menunjukkan kesemua faktor pembolehubah tidak bersandar (IV) iaitu personaliti pelajar (IV1), gaya pembelajaran (IV2), faktor persekitaran (IV3) dan Keagamaan (IV4) mempunyai hubungan yang positif dengan faktor pembolehubah bersandar (DV) iaitu pencapaian akademik. Selain itu, keputusan yang diperolehi dari analisis korelasi menunjukkan kesemua IV1, IV2, IV3 dan IV4 mempunyai hubungan yang signifikan dengan DV. Aras signifikan bagi faktor ini adalah pada tahap 0.000. Faktor ini juga yang mempengaruhi pelajar dalam meningkatkan lagi tahap pencapaian akademik mereka. Kajian ini disokong oleh Price et al, (2003) yang menyatakan secara umumnya bahawa faktor-faktor

tersebut berkait rapat dengan pelajar dalam pencapaian akademik mereka di sebuah IPTS Selangor.

Kajian ini mempunyai impak yang tersendiri terhadap beberapa pihak yang berkepentingan. Antara impaknya adalah kepentingan setiap pelajar untuk merancang dan membuat keputusan yang terbaik dalam mencapai tahap yang sebaik mungkin dalam akademik mereka di institusi pengajian. Ini adalah kerana ianya memberi kesan kepada pelajar sepanjang pengajian mereka. Pelajar yang mempunyai sikap personaliti yang baik, gaya pembelajaran yang positif, faktor persekitaran yang kondusif dan keagamaan mampu memberikan impak yang positif terhadap pencapaian akademik dan juga cita-cita mereka dengan sebaiknya. Seterusnya, keagamaan merupakan panduan yang perlu diamalkan oleh para pelajar dengan sebaik mungkin agar segala amalan dan tindakan yang direncana dapat diterima dan diberkati oleh Allah S.W.T.

Batasan kajian ini adalah dilakukan dalam kalangan pelajar sebuah fakulti sahaja di sebuah IPTS. Kajian ini cuma mengambil kira tiga faktor sahaja seperti personaliti pelajar, gaya pembelajaran, faktor persekitaran dan keagamaan. Keempat-empat faktor memainkan peranan yang penting terhadap pencapaian akademik para pelajar IPTS tersebut.

Cadangan kajian akan datang ialah lanjutan kajian boleh dilakukan dalam skop yang lebih besar contohnya dalam kalangan pelajar antarabangsa atau melibatkan semua pelajar dari semua fakulti yang terdapat di IPTS ataupun melibatkan banyak IPTS yang berbeza. Kajian lanjutan juga boleh dijalankan secara lebih terperinci dengan menekankan aspek latar belakang responden. Kajian lanjutan boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah dan instrumen kajian yang berbeza sebagai contohnya menggunakan kaedah kualitatif yang menggunakan soalan terbuka bagi memberi maklum balas yang lebih mendalam daripada responden yang dipilih. Diharapkan supaya kajian ini dapat diperluaskan lagi dengan mengkaji faktor-faktor yang lain agar dapat memberi panduan kepada pengkaji mahupun pelajar dalam penghasilan kajian yang lebih baik pada masa depan.

8.0 RUJUKAN

- Abd Hair Awang, Z. R. (2012). Faktor Tarikan Pelajar Pelajar Siswazah Antarabangsa ke Universiti Penyelidikan Malaysia. *GEOGRAFIA-Malaysian Journal of Society and Space*(8(6)), 32-41.
- Amina Noor. (1999). Kejayaan Ditangan Pelajar: Teknik Lulus Peperiksaan dengan Cemerlang.
- Ana-Maria Bliuc, Robert A.Ellis, Peter Goodyear & Daniela Muntele Hendres. (2011). The Role of Social Identification As University Student In Learning: Relationship Between Students' Social Identity, Approaches To Learning and Academic Achievement. *31*(5), 559-574.
- Azhar Ahmad. (2006). Strategi pembelajaran dan Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Phd, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bond & Fox. (2007). Applying the Rasch Model: Fundamental Measurement in Human Science. Second Edition. *Second Edition*.
- Carter V. Good. (1973). " A Representation, a Model of a Theory, an Idea or a Principle. (A. Bacon, Ed.)
- Chua Yan Piaw. (2006). Kaedah Penyelidikan. Selangor: McGraw Hill (Malaysia).
- Dzuhailmi Dahalan, Steven Eric Krauss, Azmi Hamzah & Abd Hadi Sulaiman. (2014). Pegangan Agama Dalam Kalangan Belia Awal Pelbagai Kaum Di Malaysia (Religious Stand Among Multi-Racial Early Youth In Malaysia). *9*, 117-130.

- Erikson, E.H. (1964). *Insight and Responsibility*. (Norton, Ed.)
- Fiest G.J., & Gorman, M. E. (1998). *The psychology of Science: Review & Intergration of a nascent discipline*.
- Firth, Raymond. (1951). *Elements of Social Organization*. (Watts, Ed.)
- Hafizah Binti Abdul Razak. (2015). *Hubungan Antara Big Five Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)*.
- Hee. (2005). *Kesan Ekonomi Makro Ke Atas Tren Permintaan Harta Tanah Pejabat. Kes Kajian: Bangunan Pejabat Di Johor Bahru*. UTM. Projek Sarjana Muda.
- Honey, P. & Mumford, A. . (1992). *The Manual of Learning Styles*. Second Edition. United Kingdom : Peter Honey.
- Honey, P. & Mumford, A. (1992). *Using your Learning Styles*. Maidenhead: Peter Honey.
- Kamaruddin Hj.Hussin. (1996). *Ciri-ciri Personaliti dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar: Satu Tinjauan Di SMK Bahau, Bahau, Negeri Sembilan*. Kertas Projek Sarjana Muda Pendidikan, Universiti Utara Malaysia.
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Kedua. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (1984). "Kamus Dewan".
- Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). "Kamus Dewan".
- Khadijah, A. Fauziah, I., Mohd Suhaimi, M., Wan Shahrazad, W.S., Salina, N. & Norukhuda, S. (2013). *Tahap Pengtahuan Agama dalam kalangan Banduan Parol: Ke arah Pembentukan Akhlak Sejahtera*.
- Khaidir Hj.Ismail, Khairil Anwar, Shaharuddin Ahmad & Jumali Hj.Selamat. (2010, Jun). *Profil Personaliti Bakal Calon Majlis Perwakilan Pelajar UKM: Suatu Perbandingan Antara Lelaki dan Wanita*.
- Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. (2017). *Retrieved from Portal Rasmi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*.
- Krejcie. R. V., & Morgan, D. W. (2013). *Determining Sample Size For Research Activities*.
- Low Kai Lin, Lilia Halim. (2016, Disember 2). *Pengaruh Penglibatan Ibu bapa/penjaga dalam Pencapaian Akademik Sains Pelajar di Sekolah Berprestasi Tinggi Melaka, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Mardhiyyah Zamani, Nurazan Mohamad Rouyan. (2016). *Pengaruh Serta Peranan Ibu Bapa Dalam Pembentukan Personaliti Dan Keperibadian Syed Qutb: Analisis Autobiografi "Kisah Seorang Anak Kampung"*. 106-115.
- Mischel. W. (1999). *Introductory to Personality* (6th Edition).
- Mohd Najib. (2003). *Penyelidikan Pendidikan., Johor Bahru : Universiti Tekonologi Malaysia*.
- Mohd Zuri Ghani. (2008). *Kajian Personaliti Terhadap Pelajar. Jurnal Personalia Pelajar*(13).
- Mohd Zuri Ghani. (2010). *Perbezaan Personaliti Kestabilan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Pintar Cerdas Akademik (PCA) Berdasarkan Jantina Dan Jenis Sekolah*. (A. C. Nik Rusika Nik Yaacob, Ed.) 25, 153-167.
- Mohd. Yunus Noor. (1990). *Psikologi dan Teknik Belajar Yang Berkesan*, Petaling Jaya.
- Nik Azis Nik Pa. (1988). *Aktiviti Membina Refleksi dan Pengabstrakan: Perspektif Pendidikan Kanak-kanak yang terabai*, Jurnal Pendidikan Islam ABIM, Tahun 2. *Pendidikan Islam ABIM*, 28.
- Nik Azis Nik Pa. (1990). *Program Pendidikan Pelajar Pintar Cerdas: Teori dan Praktik*, Kuala Lumpur.
- Norhayati Binti Ya'acob. (2013). *Kajian Terhadap Faktor Kemurungan Bagi Pelajar Darjah Empat, Darjah Lima dan Darjah Enam di Tiga buah Sekolah Agama Daerah Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia; Open University Malaysia*.

- Nurul Zawani Binti Bonyamin. (2007). Hubungan Personaliti dan Tekanan Belajar Dengan Pencapaian Prestasi Akademik di kalangan pelajar-pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Parke, B. (1989). *Gifted Students in Regular Classrooms.* , Boston. (A. & Bacon, Ed.)
- Pervin, L.A. (1990). *Handbook of Personality: Theory and Research.* (Guilford, Ed.)
- Price, Matzdorf & Smith. (2003). The Impact of Facilities on Students Choice of University., 21., 212 - 222.
- Randy Larsen & David Buss. (2009, October 28). *Personality Psychology: Domains of Knowledge About Human Nature.*
- Sabiq, S. (1993). *Aqidah Islam: Pola Hidup Malaysia Beriman.* Indonesia, Diponegoro.
- Shea, P. (1983). Student Learning Style: A Segmentation Strategy For Higher Education. *Journal of Education For Business*, 232 - 235.
- Sidek Mohd Noah. (1987). *Inventori Personaliti Sidek (IPS)* , Universiti Putra Malaysia.
- Wahid, Hairunnizam. (2010). *Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Individu.* (R. A. Sanep Ahmad, Ed.)